

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 OGOS 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 6

### PuTERA35 jayakan agenda pacu ekonomi Bumiputera

# PuTERA35 jayakan agenda pacu ekonomi Bumiputera

**Syor penyelarasan antara agensi, kementerian bagi pastikan maklumat sampai kepada golongan sasaran**

Oleh Farah Marshita  
Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pendekatan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) yang lebih komprehensif dan terancang mampu menjayakan agenda pembangunan ekonomi Bumiputera.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, PuTERA35 adalah penambahbaikan kepada program sedia ada dan mempunyai sudut pandang yang lebih luas.

Katanya, pendekatan ketiga-tiga teras PuTERA35 mengambil kira penggunaan ekonomi, tatakelola serta aspek pembasmarin kemiskinan tegar.

"Bagaimanapun, perkara yang perlu diutamakan adalah penyelarasan antara kementerian, agensi kerajaan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkusa Tempatan (PBT), syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di peringkat persekutuan dan negeri serta syarikat pelaburan kerajaan (GLIC).

"Ini kerana terdapat pelbagai bantuan yang sudah wujud dalam kalangan organisasi yang mana tahap penggunaannya mungkin masih kurang atau maklumatnya tidak sampai kepada golongan sasaran," katanya.

**Perlu ada program motivasi**  
Tambahan, perlu ada program motivasi yang berterusan terutama untuk pelajar dan penilaig Bumiputera untuk memastikan

mereka mempunyai semangat yang kental untuk menghadapi cabaran masa akan datang.

Katanya, dengan motivasi yang tinggi dan sikap positif, agenda pembangunan bagi golongan Bumiputera dapat dilaksanakan dengan lebih lancar dan berkesan.

"Sebenarnya, ekonomi Bumiputera sudah pun menunjukkan pertumbuhan dalam penggunaan ekonomi dan kekayaan. Sebagai contoh, jumlah penyimpanan di dalam simpanan Amanah Saham Bumiputera (ASB) berjumlah RM500,000 dan ke atas, mencatat kenaikan saban tahun."

"Pada tahun 2023, penyimpanan di dalam ASB yang mempunyai simpanan RM500,000 dengan 30,946 pemegang unit. Angka ini tinggi jika dibandingkan pada tahun 2016 iaitu 19,881 pemegang unit...perkara ini bersamaan pertumbuhan purata tahunan di-

kompaun 6.5 peratus setahun," katanya.

Beliau berkata ia menunjukkan ramai Bumiputera mempunyai simpanan tinggi dan melambangkan taraf kedudukan ekonomi yang lebih baik.

"Justeru, penambahbaikan melalui PuTERA35 sudah pasti akan dapat menjayakan agenda pembangunan ekonomi Bumiputera, yang lebih lestari berikutan penekatannya yang lebih komprehensif dan terancang," katanya.

PuTERA35 yang diluncurkan oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan kelmarin, disokong oleh tiga teras, 12 pematu dan 132 ikhtiar yang komprehensif, berani, berpandangan jauh dan lebih inklusif serta merupakan anjakan besar dalam membawa pembangunan Bumiputera ke arah menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi serantau.

Tiga teras yang digariskan dalam PuTERA35 adalah memperkuat pasak ekonomi negara, memperteguh kerukunan tatakelela dan institusi serta menegakkan keadilan sosial.



Mohd Afzanizam